



Anwar bersama Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli dan Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail pada Konvensyen 25 tahun PKR di IDCC Shah Alam, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

BERITA HARIAN 22 APR 2024

Ms-4

Hubungan antara parti dalam Kerajaan Perpaduan kekal kukuh

PM bidas pihak terdesak mahu lihat perpecahan tak akan berjaya

Oleh Rohaniza Idris,
Mohd Nasaruddin Parzi dan
Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan hubungan antara parti dalam Kerajaan Perpaduan kekal sangat kukuh dan mantap biarpun wujud cubaan berterusan oleh pelbagai pihak untuk merobohkannya.

Membidas pihak berkenaan yang disifatkannya terdesak, Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu yang menggelar golongan terbabit sebagai 'gerombolan desperados', berkata usaha mereka tidak akan berjaya meretakan hubungan dalam kalangan parti yang membentuk kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Perpaduan dibentuk hasil kerjasama PH, Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Gabungan Ra-



kyat Sabah (GRS) bagi menyelesaikan konflik kepemimpinan negara selepas tiada parti atau gabungan parti menang majoriti kerusi dipertandingkan pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), November 2022.

Mengakui ada perkara menyetuh kepentingan parti yang membentuk Kerajaan Perpaduan, Perdana Menteri bagaimanapun berkata, Kabinet pimpinannya sentiasa terbuka membincangkan isu dalaman dan setakat ini belum ada tanda keretakan kecil sekalipun dalam hubungan antara parti terbabit.

"Yang di luar (Kabinet), suara-suara yang tidak semestinya mewakili suara kepemimpinan. Saya harus akui ada sedikit sebanyak hal yang dirungkai di luar Jemaah Menteri, tetapi setakat ini belum ada petanda keretakan kecil sekalipun antara PH, UMNO-BN, Sabah dan Sarawak.

"Yang ada hanya gerombolan-gerombolan *desperados* yang

cuba adu domba dan saya beri tahu mereka *good luck and good-bye, it will not work*. Bagi saya, kerajaan ketika ini masih mantap dan kukuh," katanya berucap pada Konvensyen 25 Tahun PKR di Pusat Konvensyen Shah Alam (IDCC), di sini semalam.

Kepada tuduhan kerajaan pimpinannya tidak melakukan sebarang perubahan atau reformasi apabila mentadbir negara, Perdana Menteri yang juga Presiden PKR, menegaskan kerajaan amat komited melaksanakan perubahan dan ia dilakukan mengikut kemampuan serta kebijaksanaan.

Beliau memberi contoh, dalam tempoh setahun mentadbir negara, Kerajaan Perpaduan tidak berkompromi dalam soal kebebasan badan kehakiman dan kekuatan badan penguat kuasa untuk bertindak dengan tegas tanpa campur tangan politik.

"Sekarang ini, badan kehakiman kita dikenali sebagai badan yang bebas, belum ada satu kes (mahkamah) di mana saya panggil ketua hakim atau berunding untuk selesaikan. Perubahan kita akan lakukan, tapi kepesatan dan kelajuannya mengikut kemampuan serta kebijaksanaan.

"Kebijaksanaan kita untuk mengekalkan (kerajaan) dan bukan-

nya untuk merobohkan kerajaan yang ada. Jangan kerana nak meneruskan agenda yang disenangi (sesetengah pihak) hingga merobohkan kerajaan ini," katanya.

Capai kesepakatan

Anwar berkata, ada pihak turut menuduh kononnya Kerajaan Perpaduan hanya berdiam diri sehingga rakyat 'menderita', sedangkan tegasnya, golongan 'menderita' adalah mereka yang berpangkat yang 'menyakau' duit rakyat.

Menegaskan langkah atau gagasan terbaik untuk dilakukan ialah menghentikan amalan salah guna kuasa, merompak dan 'menyakau' harta negara, beliau menegaskan, pimpinan Kerajaan Perpaduan sudah mencapai kesepakatan untuk tidak melanggar prinsip tatakelola serta terjerumus dalam sebarang kancas rasuah.

"Andai ada dalam kalangan kita melanggar prinsip tatakelola dan terjerumus dengan rasuah, akan terkeluar dan menghadapi proses perundangan," katanya sambil menambah kerajaan pimpinannya tidak bersikap defensif dan mengakui ketidaksempurnaan yang ada serta masih banyak perkara dan tindakan ha-

rus diperbaiki.

"Perlu bagi kita untuk bergerak, dan tidak semestinya defensif, ada yang perlu diperbaiki. Negeri-negeri yang saya turun lawati bersama menteri, KSN (Ketua Setiausaha Negara), KSP (Ketua Setiausaha Perbendaharaan), KPPA (Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam), kita turun dan dengar pandangan," katanya.

Dalam amanat selama kira-kira 40 minit itu, Anwar turut maklumkan beliau mahu melihat parti dipimpinnya muncul sebagai gergasi politik di negara ini melalui jumlah keahlian yang ramai bersama bahagian serta cawangan yang aktif.

"MPN (Majlis Pimpinan Negeri) harus lebih aktif dan jentera serta jawatankuasa mesti lebih hebat berbanding dulu. Parti perlu agresif menerangkan sikap dan pendirian serta bersungguh-sungguh memperkuatkan jentera kita," katanya.

Presiden PKR juga mengingatkan semua ahli pada peringkat negeri, cabang dan ranting memantau secara dekat setiap pelaksanaan program, termasuk Kerangka Kerja Keadilan Menang Siri PRU16 (KEMAS16) dan Pemerkasaan Organisasi Parti 25 tahun (POP25), yang dilancarkan semalam.